

Tel: +(6)07-5530365 / 5530392 Faks: +(6)07-5547371 Emel: dvcai@utm.my

Ruj. Kami : UTM.J.08.01.01/14.10/1 (01)
Tarikh : 6 Ogos 2019/5 Zulhijjah 1440H

<< seperti di lampiran >>

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

YBhg. Dato'/Prof./Dr./Saudara,

KEMASKINI PROSIDUR PERMOHONAN PROGRAM AKADEMIK BAHRU


Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Adalah dimaklumkan semua permohonan program akademik baharu perlu mematuhi Kerangka Kelayakan Malaysia (MQF), Kod Amalan Akreditasi Program (COPPA) dan standard program yang diurus tadbir oleh Agensi Kelayakan Malaysia (MQA).
3. Jabatan Pendidikan Tinggi (JPT), Kementerian Pendidikan Malaysia telah menerbitkan Garis Panduan Pembangunan Program Akademik Universiti Awam (GPPA) yang merangkumi penyediaan dokumen berkaitan pembangunan program akademik baharu, semakan kurikulum serta perubahan maklumat program. Proses penyediaan program akademik baharu dan semakan kurikulum di Universiti Teknologi Malaysia (UTM) adalah merujuk kepada Panduan Jaminan Kualiti Akademik UTM yang dikeluarkan oleh Pusat Kualiti dan Pengurusan Risiko (UTM QRiM) selaras dengan keperluan GPPA.
4. Sehubungan dengan itu, berdasarkan maklumbalas laporan audit pengekalan swaakreditasi UTM yang diterima pada 12 Jun 2019, Unit Inovasi & Pembangunan Kurikulum (CIDU) telah mengemaskini prosidur sedia ada bagi permohonan program akademik baharu di UTM. Fakulti dipohon mengambil maklum sebelum memulakan proses penyediaan kertas kerja bagi sebarang program akademik baharu dengan mengisi **Borang Justifikasi Mencadangkan Program Akademik Baharu** berdasarkan kriteria yang diberikan. Proses kerja selepas Fakulti mengisi borang berkenaan adalah seperti dalam **Lampiran 1**.
5. Penggunaan **Borang Justifikasi Mencadangkan Program Akademik Baharu** berkuatkuasa mulai Ogos 2019. Dimohon untuk mewar-warkan perkara ini kepada semua Pengarah Program, Naib Pengerusi (Akademik & Pembangunan Pelajar) dan Timbalan Dekan (Akademik & Hal Ehwal Pelajar) di fakulti masing-masing.

Sekian, terima kasih.

"Berkhidmat untuk Negara kerana Allah"

Saya yang menjalankan amanah,



PROF. IR. DR. ZAINUDDIN BIN ABD MANAN

Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)

Pejabat Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)

Bangunan Canseleri Sultan Ibrahim

: 07 - 5530367

: dvcai@utm.my

- s.k. ➤ Pengarah
Unit Inovasi & Pembangunan Kurikulum (CIDU)
- Pengarah
Pusat Kualiti & Pengurusan Risiko (QRiM)
- Pengerusi
Sekolah Pengajian Siswazah (SPS)
- Pengerusi
Pejabat Pengajian Prasiswazah (UGS)

LAMPIRAN EDARAN

PROSIDUR PERMOHONAN PROGRAM AKADEMIK BAHARU
BORANG JUSTIFIKASI MENCADANGKAN PROGRAM AKADEMIK BAHARU

Prof. Dato'. Ir. Dr. Mohammed Rafiq bin Abdul Kadir
Dekan, Fakulti Kejuruteraan

Prof. Dr. Abdull Rahim bin Hj. Mohd Yusoff
Dekan, Fakulti Sains

Prof. Madya Dr. Arieff Salleh bin Rosman
Menjalankan Tugas Dekan, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan

Prof. Dr. Mohd. Hamdan bin Hj Ahmad
Dekan, Fakulti Alam Bina dan Ukur

Prof. Dr. Othman bin Che Puan
Pengerusi, UTM Sekolah Pendidikan Profesional & Pendidikan Berterusan (UTM SPACE)

*UTM Johor Bahru
81310, Skudai
Johor*


Prof. Madya Dr. Khairur Rijal bin Jamaludin
Menjalankan Tugas Dekan, Fakulti Teknologi & Informatik (RAZAK)

Prof. Dr. Nur Naha binti Abu Mansor
Dekan, Azman Hashim International Business School (AHIBS)

Prof. Dr. Ali bin Selamat
Dekan, UTM Malaysia-Japan International Institute Technology (UTM MJIIT)

**Universiti Teknologi Malaysia Kuala Lumpur
54100 Jalan Yahya Petra
Kuala Lumpur**

Prosedur Permohonan Program Akademik Baharu



BORANG JUSTIFIKASI MENCADANGKAN PROGRAM AKADEMIK BAHARU

FAKULTI:

NAMA PROGRAM AKADEMIK:

(Dalam BM dan BI)

Nota:

1. Fakulti/Sekolah perlu mengemukakan justifikasi mencadangkan program akademik baharu dengan menjalankan analisis terhadap **semua** program akademik sedia ada di Fakulti/Sekolah masing-masing berdasarkan kriteria yang diberikan.
2. Borang ini perlu diisi secara berasingan untuk setiap program akademik yang sedia ada di Fakulti/Sekolah pada tahap yang sama dengan program akademik baharu yang hendak dicadangkan (Sarjana Muda/Sarjana/PhD).

Bil.	Kriteria	Keterangan	Tindakan
1.	Program akademik dengan pengkhususan		1.1 Nyatakan samada program akademik berkenaan mempunyai pengkhususan.
2.	Unjuran pengambilan pelajar		2.1 Berikan unjuran pengambilan pelajar bagi program akademik berkaitan untuk 5 tahun kebelakang.
3.	Populariti program akademik		3.1 Kenalpasti samada program akademik berkenaan popular atau tidak di kalangan pemohon atau industri. 3.2 Nyatakan kemungkinan sebabnya (popular atau tidak popular). Nota: Bagi perkara di atas, sediakan bukti yang berkaitan.

Bil.	Kriteria	Keterangan	Tindakan
4.	Nisbah Penawaran berbanding Permohonan (NPP) dan peratus pra jaya	NPP ialah nisbah jumlah penawaran berbanding bilangan permohonan bagi sesuatu program akademik pada setiap sesi penawaran. Data jumlah permohonan, pengambilan pelajar dan pra jaya boleh diperolehi daripada Bahagian Pengurusan Kemasukan Pelajar, JPT atau SRAD.	4.1 Nyatakan trend NPP dan peratus pra-jaya bagi program akademik berkenaan.
5.	Bilangan pengambilan pelajar		5.1 Nyatakan bilangan pelajar yang diambil dalam sesuatu sesi penawaran. 5.2 Apakah kemungkinan untuk menggabungkan program akademik ini dengan program akademik yang lain?
6.	Kadar Kebolehpasaran Graduan (Graduate Employability, GE)		6.1 Nyatakan kadar GE bagi program akademik berkenaan untuk 5 tahun kebelakang
7.	Gaji Permulaan Pertama (GPP)	GPP ialah gaji yang dibayar oleh majikan kepada graduan dalam bidang pengajian tertentu semasa mereka mula bekerja dengan sesebuah syarikat/organisasi/industri.	7.1 Anggarkan GPP bagi graduan program akademik berkenaan.
8.	Unjuran guna tenaga negara	Rujuk agensi-agensi yang menjalankan kajian unjuran keperluan guna tenaga seperti JPA, Jobstreet.com, EPU, Jabatan Perangkaan Malaysia, MDEC, TalentCorp, ILMIA dll. serta Critical Occupations List (COL).	8.1 Berikan analisis yang berkaitan bagi memastikan program akademik yang berkenaan bersesuaian dengan unjuran keperluan guna tenaga.

SULIT

Bil.	Kriteria	Keterangan	Tindakan
9.	Keperluan semakan kurikulum major		9.1 Jelaskan status kurikulum program akademik yang berkenaan dari aspek semakan kurikulum. Adakah kurikulum program akademik berkenaan relevan dan berdaya saing dengan keperluan semasa industri?
10.	Implikasi perjawatan		10.1 Nyatakan status perjawatan berdasarkan beban tugas staf akademik (BTSA) untuk menjalankan program akademik berkenaan.
11.	Implikasi fizikal		11.1 Nyatakan status infrastruktur sedia ada yang menyokong pelaksanaan program akademik berkenaan (bilik kuliah, makmal, peralatan makmal dll.)
12.	Implikasi kewangan		12.1 Nyatakan keperluan menjalankan program akademik berkenaan dari aspek kewangan.

Maklumat	Disediakan Oleh	Disahkan Oleh
Tandatangan		
Nama		
Jawatan		
Tarikh		